



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **SIMPOSIUM WANITA NEGARA 2021- MEREALISASIKAN PEMERKASAAN WANITA AGENDA BERTERUSAN KPWKM**

**Putrajaya, 26 Ogos** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengadakan Simposium Wanita Negara (SWN) 2021 dengan tema **“Merealisasikan Pemerksaan Wanita”** secara dalam talian bermula 23 sehingga 25 Ogos 2021. Terdahulu JPW juga telah melaksanakan Konvensyen Pemimpin Muda bermula 16 sehingga 18 Ogos 2021 secara dalam talian yang melibatkan seramai 350 orang peserta terdiri dari Mahasiswa/Mahasiswi Pusat Pengajian Tinggi, pihak Swasta dan wakil-wakil Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO).

Input-input, idea-idea konstruktif dan cadangan-cadangan yang telah dibincangkan sepanjang simposium ini akan dimanfaatkan untuk menghasilkan satu resolusi yang akan dijadikan sebagai asas semakan dan penambahbaikan Dasar Wanita Negara sedia ada.

KPWKM komited untuk melibatkan seramai mungkin pihak-pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam perancangan dan pembangunan dasar-dasar sosial negara khususnya yang berkaitan dengan kumpulan sasar KPWKM.

Sebanyak Enam (6) bidang utama yang menjadi asas kepada perbincangan di dalam simposium ini telah dipilih dan diberi keutamaan iaitu:-

- i. Ekonomi

- ii. Pendidikan
- iii. Kepimpinan
- iv. Kesihatan
- v. Keselamatan
- vi. Perundangan

Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa ucapan perasmian penutup Simposium Wanita Negara (SWN) 2021 menegaskan, agenda pemeraksanaan wanita yang diterajui oleh KPWKM ini akan terus menjadi salah satu agenda penting negara yang memerlukan komitmen tinggi daripada semua bagi menjayakannya. Dalam Belanjawan 2021, sejumlah RM95 juta pembiayaan mikro kredit khas disediakan melalui TEKUN, MARA dan AgroBank ditawarkan bagi memperkasa usahawan wanita. Selain itu, RM50 juta turut disediakan di bawah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) bagi menyokong aktiviti pembiayaan Islam melalui Ar-Rahnu Biznita.

Program-program bimbingan keusahawanan terutama dalam aspek pembungkusan dan pelabelan, strategi pemasaran serta bimbingan teknikal perniagaan juga disediakan yang mana telah memberi manfaat kepada lebih 2000 usahawan wanita melalui Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro atau BizMe. Peruntukan berjumlah RM7.4 bilion yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi memperluaskan perkhidmatan jalur lebar turut memberi ruang dan potensi untuk wanita mengembangkan perniagaan secara dalam talian.

“Harapan Kementerian, melalui pelbagai program pemeraksanaan wanita ini, wanita akan terus memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan negara. Resolusi yang dihasilkan pada kali ini akan diterjemahkan dalam bentuk dasar yang komprehensif dalam usaha mendokong agenda pemeraksanaan wanita dan kesaksamaan gender di negara kita”, tambah beliau.

Pertemuan selama tiga hari ini telah berjaya mengumpulkan lebih kurang seramai 500 orang peserta daripada pelbagai latar belakang yang terdiri daripada ahli-ahli akademik, wakil-wakil Agensi Kerajaan, syarikat-syarikat korporat, NGO-NGO, individu-individu yang mewakili golongan rentan dan orang perseorangan.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
Jabatan Pembangunan Wanita  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 26 Ogos 2021